

14/09/2000

Khalil ikhlas lepaskan jawatan

Jamhariah Jaafar

KUALA LUMPUR, Rabu - Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, menegaskan tidak ada percanggahan antara beliau dan Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob, dan keputusannya melepaskan jawatan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri adalah ikhlas.

Beliau berkata, Adnan juga tidak perlu dibimbing lagi sekarang kerana beliau sudah cukup matang dan bijak untuk melaksanakan tugas sebagai ketua dan pengerusi parti peringkat negeri.

Justeru, Khalil meminta semua pihak supaya tidak lagi menyebarkan khabar angin kerana Adnan tidak pernah menghadapi sebarang masalah dengan mana-mana bahagian Umno atau pihak Istana seperti yang digemburkan oleh pihak tertentu.

"Percanggahan saya dengan Adnan tidak timbul dalam membuat keputusan politik dan jauh sekali wujud paksaan.

"Dalam isu ini saya melihat ada unsur-unsur yang ingin mengambil kesempatan untuk menuduh apabila dua jawatan diberi pada orang berlainan disalahertikan... seolah-olah ada perpecahan dari segi kepemimpinan," katanya dalam temu ramah khas dengan berita e-Umno (www.e-umno.net.my) hari ini.

Kelmarin, Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengumumkan pelantikan Adnan sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pahang, menggantikan Khalil yang melepaskan jawatan berkenaan secara sukarela.

Khalil berkata, sebagai Setiausaha Agung dan Ketua Penerangan Umno, beliau mempunyai tugas yang besar dan kerja yang banyak dengan hampir sepenuh masa berada di ibu negara.

"(Justeru) Adalah lebih praktikal untuk Menteri Besar menjadi Pengerusi Badan Perhubungan Negeri kerana dia adalah pemimpin. Di samping itu, saya mengambil kira juga negeri Pahang ini besar dan untuk melawat serta meliputi daerah memerlukan masa yang banyak bagi seseorang pemimpin.

"Dalam hal ini, jika jawatan Menteri Besar dan Perhubungan Negeri di bahagi dua... jadi bermakna saya terpaksa membuat lawatan saya sendiri dalam konteks Umno, manakala Menteri Besar pula kena membuat lawatan dalam konteks pentadbiran," katanya.

Khalil berkata, apa yang berlaku sekarang ialah ada pihak yang cuba mencetus perasaan tidak puas hati di kalangan rakyat dan ahli Umno di Pahang dengan mendakwa bahawa Menteri Besar tidak mempunyai kuasa politik kecuali dalam pentadbiran.

(END)